

28 Julai 2009 (Selasa)

Penyerapan penjawat awam, GLC mulai 1 Sept.

PUTRAJAYA 27 Julai - Bermula 1 September ini, seramai 20 kakitangan kerajaan dan syarikat milik kerajaan (GLC) akan menyertai proses saling penyerapan di antara sektor awam dan swasta. Mengumumkan perkara itu, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, ia selaras dengan cadangan beliau untuk melaksanakan modenisasi dan pembaharuan struktural dalam perkhidmatan awam. "Saya gembira kerana di antara anggota pentadbiran, penjawat awam dan GLC telah wujud satu bentuk pertautan sebagai pemangkin kejayaan Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Perdana Menteri Bersama Pegawai Kerajaan di sini hari ini. Semasa berucap pada Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Ke-10 (MAPPA X) di sini April lalu, Najib mencadangkan jawatan-jawatan utama sektor awam dibuka kepada bakat-bakat daripada sektor swasta dan GLC selain perkhidmatan tadbir dan diplomatik. Menurutnya, pembaharuan struktural perkhidmatan awam itu dicadangkan demi kepentingan rakyat. Selain itu, Najib juga mencadangkan satu dasar pintu terbuka dengan pegawai-pegawai perkhidmatan awam yang boleh dipinjamkan ke GLC dan sebaliknya untuk saling menimba ilmu. Dengan cara itu, pegawai perkhidmatan awam boleh didedahkan kepada keperluan sektor swasta yang merupakan peneraju utama pertumbuhan negara.

29 Julai 2009 (Rabu)

DBKL tolak laporan pemaju

Oleh ardyhansah amat kota@utusan.com.my



KESAN kerosakan yang besar dalam kejadian tanah mendap di Jalan San Peng , Kuala Lumpur pada Sabtu lalu menyebabkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menolak andaian juruperunding bahawa ia

hanya berpunca daripada paip bawah tanah yang pecah, sebaliknya wujud rantaian masalah yang membawa kepada kejadian itu.

KUALA LUMPUR 29 Julai - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menolak laporan yang dikemukakan oleh juruperunding yang dilantik pemaju Kenanga Wholesale City berhubung kejadian tanah mendap di Jalan San Peng pada Sabtu lalu. Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ahmad Fuad Ismail berkata, laporan yang dihantar kepada DBKL pada Isnin lalu itu tidak lengkap kerana pihak juruperunding terbabit gagal menjelaskan sebab-sebab berlakunya kejadian tersebut. "Tanah mendap tersebut bukan berpunca daripada bencana alam. "Sebaliknya, berdasarkan kajian yang dilakukan, ia disebabkan oleh pembinaan yang dijalankan di kawasan itu," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Tambah Ahmad Fuad lagi, menurut laporan yang diterima oleh pihaknya, konsultan pemaju hanya menyatakan paip usang yang berada berhampiran telah bocor dan menjadi punca yang menyebabkan tanah di kawasan berkenaan mendap. "Namun begitu, hasil perbincangan dengan Bahagian Kejuruteraan DBKL, kami berpendapat paip itu bukan satu-satunya punca yang ada. "Cerucuk yang ditanam juga boleh menjadi satu masalah kerana keadaannya yang didapati tidak kukuh untuk menahan pergerakan tanah. "Ini kerana selepas kejadian tanah mendap tersebut, cerucuk tersebut didapati patah. "Seharusnya ia tidak berlaku kerana kebiasaannya cerucuk hanya boleh tumbang atau condong jika berlaku pergerakan bumi yang besar. "Malah, penanaman cerucuk sedalam sembilan meter (yang didapati tidak mencukupi) juga boleh menjadi punca pergerakan tanah berlaku," katanya lagi.

Selain itu, kekurangan alat sokongan pada cerucuk-cerucuk tersebut yang disambungkan kepada bangunan yang dibina juga boleh menjadi faktor penyebab. Alat sokongan ini penting bagi mengukuhkan lagi cerucuk yang ditanam supaya yang menjadi lebih kuat untuk menahan sebarang pergerakan tanah. "Malangnya pihak konsultan terbabit hanya menyatakan paip air yang berusia 30 tahun tersebut menjadi punca. "Jika benar seperti yang didakwa konsultan terbabit, mengapa sebelum ini tidak berlaku kejadian tanah mendap. "Berkemungkinan juga, keadaan paip tersebut sedikit berubah atau tergelincir dari tempat asal akibat gegaran yang dilakukan oleh pemaju seperti kenderaan besar yang melalui kawasan itu mahupun aktiviti penanaman cerucuk," ujarnya lagi.

Sebagai langkah keselamatan, DBKL mengarahkan pemaju menghentikan segala bentuk kerja pembangunan bagi mengelakkan kejadian bertambah buruk. Menurutnya lagi, walaupun pihak konsultan telah mengeluarkan surat sebagai jaminan bahawa kawasan terbabit dan kawasan berhampiran adalah selamat tetapi DBKL tidak dapat memastikan sejauh mana tahap keselamatan kawasan itu. "Bagaimana juruperunding itu boleh memberi jaminan tersebut sedangkan mereka sendiri tidak boleh memberikan maklumat dan laporan yang lengkap mengenai punca berlakunya kejadian tanah mendap?" kata Ahmad Fuad.

Difahamkan, juruperunding pemaju akan memberikan laporan yang lebih lengkap berkaitan punca-punca berlakunya tanah mendap kepada juruperunding yang dilantik oleh DBKL esok. Selain itu, kata Ahmad Fuad, DBKL juga menuntut agar satu laporan yang lebih

terperinci dalam tempoh sepuluh hari kepada konsultan berkenaan. Laporan terperinci tersebut termasuklah pelan bangunan dan pembinaan, kajian sebelum pembangunan serta kajian-kajian kandungan dan pergerakan tanah di kawasan tersebut. "Jika konsultan pemaju tidak dapat memberikan kerjasama seperti yang sepatutnya, DBKL mencadangkan kepada pemaju supaya melantik konsultan yang lain. "Atau, DBKL akan membuat aduan kepada Lembaga Jurutera Malaysia untuk mengambil tindakan selanjutnya terhadap konsultan terbabit," ujar Ahmad Fuad lagi. Sementara itu, 10 keluarga yang tinggal di kuarters DBKL telah diberikan rumah baru iaitu lapan daripadanya di Flat Sri Selangor dan selebihnya dipindahkan ke Projek Perumahan Rakyat (PPR) Pantai Ria, Lembah Pantai. Manakala, pihak JKR sendiri telah memindahkan mangsa yang tinggal di kuarters JKR terbabit ke kuarters-kuarters JKR yang lain.

29 Julai 2009 (Rabu)

KDN arah siasat

Oleh HELMI MOHD. FOAD pengarang@utusan.com.my



Hishammuddin Tun Hussein melihat memorandum yang diterima daripada Pengurus Majlis Gabungan Pertubuhan Sukarela NGO Selangor (GPSS), Datuk Dr. Mat Yassir Ikhsan (tiga dari kiri) selepas mengadakan mesyuarat pasca-Kabinet di KDN, Putrajaya, semalam.

PUTRAJAYA 29 Julai - Kementerian Dalam Negeri (KDN) mahu polis menyiasat secara terperinci dakwaan terdapat kongsi gelap menaja segelintir wakil rakyat bagi menghalalkan kegiatan haram di kawasan mereka. Menterinya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, siasatan itu penting kerana ia melibatkan kedudukan institusi negara iaitu Dewan Rakyat, Dewan Negara dan Dewan Undangan Negeri (DUN). "Saya mahu ia disiasat secara terperinci, bukan susah nak kenal pasti, cuma saya mahu melihat laporan tertentu yang telah dibuat kepada polis. "Kalau dakwaan ini dibiarkan tergantung, ia bukan sahaja akan mencemarkan wakil rakyat tertentu malah turut akan mencemarkan kedudukan Dewan Rakyat, Dewan Negara dan DUN," tegasnya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat pasca-Kabinet bagi kementeriannya di sini hari ini.

Beliau mengulas laporan muka depan *Utusan Malaysia* hari ini yang menyebut seorang penganalisis jenayah, Kamal Affandi Hashim tidak menolak kemungkinan terdapat

segelintir wakil rakyat ditaja oleh kongsi gelap tertentu untuk menghalalkan kegiatan haram di kawasan mereka. Hasil analisis dan pemerhatiannya mendapati, banyak kegiatan haram antaranya pusat judi, hiburan, spa dan pelacuran tumbuh di kawasan terlibat selepas wakil rakyat berkenaan memenangi pilihan raya. Sementara itu, Hishammuddin menegaskan, kerajaan menganggap perhimpunan yang dirancang oleh Gerakan Mansuh ISA (GMI) dan Majlis Permuafakatan Ummah (Pewaris) adalah perhimpunan haram. Ini kerana katanya, sehingga kini tiada sebarang kelulusan permit diberikan, malah polis tidak menerima sebarang permintaan untuk mengadakan perhimpunan.

"Sekiranya mana-mana kumpulan sama ada pro atau yang anti-ISA melanggar undang-undang, kita akan mengambil tindakan, mereka semua tahu pendirian saya dan kita akan pantau keadaan," tegasnya. Hishammuddin turut melahirkan rasa terkilan kerana isu ISA dieksploitasi dan dipolitikkan sedangkan kerajaan menyatakan komitmen untuk mengkaji kedudukan akta tersebut. "Kalau nak teruskan juga perhimpunan, ini menjadi tanda tanya adakah kerana nak perjuangkan isu itu atau nak wujudkan huru-hara," ujarnya.

29 Julai 2009 (Rabu)

Balak: Pemuda buat laporan kepada SPRM

ALOR SETAR 29 Julai - Pergerakan Pemuda UMNO negeri hari ini membuat laporan di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung dakwaan wujud penyelewengan dalam pemberian tender balak di Kubang Pasu dekat sini. Ketua pergerakannya, Badrol Hisham Hashim membuat laporan pukul 4 petang ini bagi meminta SPMR melakukan siasatan terperinci mengenai dakwaan itu yang sedang hangat di negeri ini.

Badrol yang ditemui pemberita selepas membuat laporan itu berkata, keterangannya dibuat di hadapan Timbalan Pengarah SPRM negeri, Abdul Aziz Ishak dan seorang pembantunya selama hampir sejam setengah berhubung isu itu. Katanya, isu tersebut sudah lama timbul dan baru sekarang pihaknya mendapat bukti bahawa wujud ketidaktelusan dalam pemberian tender pengeluaran balak di satu kawasan di Kubang Pasu. Beliau mendakwa, isu penyelewengan pemberian tender balak tersebut turut melibatkan salah guna kuasa pemimpin kerajaan negeri ini. "Pemuda UMNO negeri meletakkan keyakinan yang tinggi terhadap SPRM supaya menyiasat kes ini dengan telus dan seadil-adilnya," katanya.

29 Julai 2009 (Rabu)

Ekonomi - Malaysia mahu contohi perladangan hutan NZ

KUALA LUMPUR 29 Julai - Kemajuan perladangan hutan di New Zealand boleh dicontohi Malaysia bagi memacu pembangunan sektor berkenaan, kata Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi Datuk Hamzah Zainuddin. New Zealand mempunyai kepakaran dalam penyelidikan berkaitan termasuk menentukan spesis yang boleh membesar dengan cepat, kata Hamzah yang kini berada di negara itu mengetuai delegasi negara bagi membincang kerjasama dalam industri perkayuan antara kedua-dua negara.

"Perbincangan bukan setakat di bilik persidangan kerana kami turut melawat ladang-ladang tanaman *radiata pine* untuk melihat cara pengurusan mereka dan banyak yang dapat kami pelajari," katanya melalui panggilan telefon, hari ini. Malahan, dalam lawatan ke sebuah pusat penyelidikan yang turut menempatkan pelajar Malaysia, beliau begitu tertarik dengan penggunaan kayu *radiata pine* dalam pembinaan bangunan setinggi 20 tingkat. "Kalau teknologi ini dapat kita gunakan, nilai kayu-kayan kita akan lebih tinggi," katanya.

Rombongan itu yang berlepas ke New Zealand pada 24 Julai lepas dan akan kembali ke tanah air hujung bulan ini terdiri daripada Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Wira Ismail Salleh, Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, Prof Madya Dr. Jalaluddin Harun, Timbalan Ketua Pengarah Lembaga Getah Malaysia, Dr. Mohd Akbar Md Said dan Ketua Pegawai Eksekutif Forest Plantation Development Sdn. Bhd., Zaini Ithnin Rajak. - BERNAMA

29 Julai 2009 (Rabu)

NKRA: Pendekatan Wawasan 2020

KUCHING 29 Julai – Enam Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semalam akan membantu mempercepatkan projek pembangunan infrastruktur terutamanya di kawasan luar bandar di negeri ini. Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Alfred Jabu Numpang berkata, Sarawak dan Sabah masih ketinggalan daripada segi kemudahan infrastruktur. Beliau yang juga Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan berkata, menerusi peruntukan itu rancangan untuk membina infrastruktur di luar bandar akan dapat dipercepatkan. "Kita amat memerlukan peruntukan ini dan ia merupakan satu pendekatan untuk mencapai Wawasan 2020," katanya di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas pengumuman Najib mengenai penetapan enam NKRA dan pengukuran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi memastikan elemen kebertanggungjawaban yang serius wujud di kalangan anggota pentadbiran dan juga penjawat awam. Dalam NKRA yang kelima, Najib mahu melaksanakan kemudahan jalan, bekalan air dan elektrik terutamanya di Sarawak dan Sabah yang diterajui Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Shafie Apdal. Jabu yang juga Menteri

Pembangunan Luar Bandar negeri berkata, pengenalan KPI dalam memastikan pelaksanaan NKRA juga harus mengambil kira keadaan muka bumi dan cuaca di Sarawak.

30 Julai 2009 (Khamis)

4 syarikat dikesan keluar sijil halal sendiri

PULAU PINANG 30 Julai — Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) mengesan empat syarikat swasta tempatan mengeluarkan sijil perakuan halal kepada beberapa pengusaha produk makanan. Yang Dipertua MAINPP Shabudin Yahaya berkata siasatan mendapati syarikat berkenaan mengeluarkan sijil perakuan halal kepada pengusaha yang mempunyai premis yang kotor dan pernah gagal dalam permohonan mendapatkan sijil berkenaan daripada MAINPP. "MAINPP tidak pernah melantik mana-mana syarikat untuk mengeluarkan sijil halal itu dan kita tidak mengiktiraf sijil berkenaan. Kita juga sedang mengkaji peruntukan undang-undang yang ada untuk mengambil tindakan terhadap syarikat berkenaan yang dipercayai telah beroperasi hampir setahun," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Shabudin berkata sijil perakuan halal hanya dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di peringkat pusat dan Majlis-majlis Agama Islam di peringkat negeri. Beliau berkata kebersihan dan kesucian produk makanan seperti mee kuning, mee sanggul dan kuetiau keluaran pengusaha terbabit diragui kerana terdedah kepada najis burung serta berisiko mengandungi bahan pengawet yang dilarang yang membahayakan kesihatan.

Beliau berharap sijil perakuan halal diseragamkan dan dikeluarkan oleh satu pihak sahaja iaitu kerajaan persekutuan bagi mengelakkan kekeliruan dan disalahgunakan oleh pihak tertentu. "Dengan cara ini, ia bukan sahaja memudahkan pemantauan terhadap pemegang sijil pengesahan halal itu malahan menggalakkan pengusaha memohon pengesahan daripada badan yang mempunyai kuasa sahaja," katanya.

Beliau juga menasihatkan orang ramai agar jangan mudah terpedaya dengan logo halal yang bukan dikeluarkan oleh JAKIM atau Majlis Agama Islam. Pada perkembangan lain, Shabudin berkata, MAINPP menetapkan zakat fitrah pada tahun ini sebanyak RM7 seorang. Katanya, kadar itu lebih rendah berbanding RM7.30 pada tahun lalu dan penetapan kadar itu mengambil kira harga beras semasa serta kadar yang ditetapkan oleh negeri-negeri di wilayah utara.

30 Julai 2009 (Khamis)

Khazanah diminta runding ambil alih semula saham Bernas

Oleh NURUL HUDA HASSAN huda.hassan@utusan.com.my

PULAU PINANG 30 Julai - Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi akan meminta Khazanah Nasional Bhd. (Khazanah) berunding bagi mengambil alih semula pegangan asing dalam Padiberas Nasional Berhad (Bernas). Beliau berkata, oleh kerana beras adalah makanan asasi dan Bernas pula merupakan penyimpan utama bahan makanan itu di negara ini, maka adalah munasabah saham 31 peratus yang dimiliki pihak luar diambil alih oleh Bernas. Menurutnya, beliau maklum penguasaan pegangan asing tidak dapat dielakkan kerana Bernas telah diswastakan, namun berpendapat ia masih boleh dirunding dan diambil alih syarikat milik kerajaan (GLC).

"Kita tidak mahu ia terlepas ke tangan pelabur asing kerana Bernas penting untuk negara walaupun dasar liberalisasi yang diumum Perdana Menteri mengizinkan penguasaan luar. "Saya akan minta pihak berkaitan membincangkan perkara ini," katanya pada sidang akhbar selepas mempergerusikan Mesyuarat Badan Perhubungan UMNO negeri di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas desakan pelbagai pihak supaya saham Bernas yang kini dimiliki syarikat asing dikembalikan kepada rakyat Malaysia.

Akhbar semalam melaporkan firma pelaburan berpangkalan di Hong Kong, Wang Tak Co. Ltd. kini muncul pemegang saham tunggal terbesar dalam syarikat strategik pembekalan beras negara itu. Mengikut laporan tersebut, berdasarkan pengumuman urus niaga pemegang saham utama Bernas di Bursa Malaysia baru-baru ini, Wang Tak menguasai 147.51 juta saham atau 31.36 peratus daripada keseluruhan 470.402 juta saham Bernas.

Ekoran itu, Gabungan Badan Ekonomi Melayu (Gabem) menggesa kerajaan mengambil langkah segera mengembalikan saham syarikat asing itu kepada syarikat milik rakyat negara ini. Pengerusinya, Tan Sri Rahim Tamby Chik berkata, demi kepentingan nasional, komoditi strategik Malaysia termasuk beras mesti dikuasai rakyat negara ini jika pun tidak dikuasai kerajaan demi menjaga masa depan negara.

30 Julai 2009 (Khamis)

Upp rampas pikap miliki sembilan tangki minyak



Komander UPP Padang Besar, ASP Noor Janihan Nanyan menunjukkan tayar gantian sebuah pikap diubah suai menjadi tangki minyak untuk diseludup di Kem UPP Padang Besar, Perlis, semalam.

PADANG BESAR 30 Julai - Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) merampas sebuah kenderaan pikap yang mempunyai sembilan tangki minyak, disyaki digunakan bagi tujuan menyeludup petrol ke Thailand. Komander UPP Perlis, DSP Zakaria Abdul Rahman berkata, kenderaan itu ditahan pada pukul 11.20 pagi semalam dalam sekatan jalan raya di kilometer 9.9 Jalan Kaki Bukit-Wang Kelian dekat sini. Beliau berkata, hasil pemeriksaan, kenderaan berdaftar di Thailand itu mempunyai lapan tangki tambahan selain sebuah tangki sedia ada yang diisi kira-kira 1,000 liter petrol.

Zakaria yang ditemui di sini hari ini berkata, seorang lelaki tempatan berumur 49 tahun yang memandu kenderaan jenis Toyota Hilux itu ditahan untuk siasatan lanjut manakala kenderaan serta minyak yang cuba diseludup dirampas. Siasatan awal mendapati lelaki itu mendapatkan petrol berkenaan daripada stesen minyak di sekitar Padang Besar untuk diseludup ke negara jiran, katanya.

Beliau berkata, nilai petrol yang dirampas ialah RM1,800 manakala kenderaan terbabit dianggar bernilai RM40,000. – BERNAMA.

31 Julai 2009 (Jumaat)

Tiga bulan baiki kerosakan

KLANG 31 Julai - Sistem tali pemunggal pengangkut arang batu yang terbakar di Stesen Janakuasa Elektrik Sultan Salahuddin Abdul Aziz, Jalan Tok Muda, Kapar di sini kelmarin dijangka dipulihkan dalam tempoh tiga bulan. Presiden Kanan Hal Ehwal Korporat Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Abdul Razak Abdul Majid berkata, tempoh baik pulih yang agak panjang itu bagaimanapun tidak akan menjelaskan operasi di stesen janakuasa tersebut. Menurutnya, pihaknya akan menggunakan gas sebagai alternatif kepada arang batu.

"Kita memang tidak ada masalah kerana kita memang menggunakan gas dan arang batu selama ini. "Jika tidak boleh menggunakan arang batu, kita akan gunakan gas yang kosnya lebih murah," katanya pada sidang akhbar selepas memberi taklimat kepada Timbalan

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Noriah Kasnon yang melawat tempat kejadian semalam.

Hadir sama, Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie dan Ketua Pegawai Eksekutif Kapar Energy Ventures Sdn. Bhd., Sohaimi Subahir. Tambahnya, tiada kegiatan mengangkut arang batu semasa kebakaran yang melibatkan tali pemunggal sepanjang 100 meter itu. Katanya, kejadian itu merupakan yang kedua di stesen janakuasa tersebut selepas kebakaran kecil pada Mei lalu.

Sementara itu, Noriah berkata, beliau bersyukur kerana kejadian kebakaran itu tidak menjelaskan operasi penghantaran dan bekalan elektrik kepada pelanggan. Ujar beliau, kebakaran yang masih disiasat punca dan jumlah kerugiannya itu juga tidak langsung menjelaskan operasi keseluruhan stesen janakuasa tersebut. "Jadi kita berterima kasih kepada pasukan bomba kerana berjaya mengawal kebakaran dengan pantas dan langkah berjaga-jaga akan diambil bagi mengelak kejadian tersebut berulang," kata beliau.

Menurut Noriah, pihaknya kini menunggu laporan hasil siasatan untuk mengetahui punca kebakaran dan jumlah kerugian akibat kejadian. Dalam kejadian pukul 6.45 pagi kelmarin, kira-kira 100 meter sistem tali pemunggal stesen janakuasa itu musnah dalam kebakaran. Bagaimanapun, kecekapan 118 anggota bomba dari lapan balai bomba berjaya mengawal api daripada merebak ke seluruh stesen janakuasa tersebut.